

04/02/2000

Sambutan Tahun Naga lebih bermakna: PM

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat Malaysia boleh berbangga dengan sikap toleransi yang diamalkan mereka selama ini dan berharap ia dapat diteruskan kerana terbukti banyak membawa kejayaan kepada semua.

Perdana Menteri berkata, walaupun negara ditadbir oleh orang Islam, ia tidak pernah menyekat penganut agama lain daripada meneruskan fahaman mereka serta menjalankan kegiatan keagamaan dan kebudayaan kaum masing-masing.

"Sesungguhnya kehidupan kaum minoriti di Malaysia amatlah bertuah," katanya dalam perutusan sempena Tahun Baru Cina yang disambut masyarakat Tionghua Sabtu ini.

Dr Mahathir berkata, penduduk negara ini terdiri daripada masyarakat berfikiran waras serta sentiasa menghargai keharmonian dan perpaduan antara rakyat berbilang kaum dan agama.

Katanya, sambutan Tahun Naga kali ini lebih meriah kerana bukan sahaja ia disambut di alaf baru, malah lebih bermakna kerana negara kini bebas daripada sebarang bentuk tekanan ekonomi.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada semua rakyat Malaysia berketurunan Cina.

(END)